

CNS0624

U GB 10-07 00147 BC114

aab

Mahathir - Tabungnn

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Kerajaan akan menggalakkan pembangunan pasaran modal dengan mewujudkan mekanisme pentadbiran yang sesuai, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata kerajaan akan menyelaras dan menyesuaikan aspek perundangan dan institusi bagi mewujudkan mekanisme berkenaan supaya pasaran modal dapat dibangunkan dengan lebih tersusun dan berkesan.

Ketika membentangkan usul Rancangan Malaysia Keenam (RME) di Dewan Rakyat hari ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata peranan pasaran modal telah menjadi semakin penting untuk meningkatkan tabungan dan bagi mencapai pembangunan ekonomi yang bertepatan.

Bidang utama yang perlu diberi perhatian ialah pembangunan pasaran sekuriti, hutang swasta, pasaran kewangan hadapan dan pembiayaan modal teroka, ka tanya.

Katanya, adalah kurang bijak sekiranya neyara terlalu bergantung kepada modal asing bagi membiayai keperluan sumber negara kerana alirannya boleh menjadi tidak menentu. -- Lagi

♥10/07/19-21MST

CNS0625

UGB 10-07 00122 BC115

aab

Mahathir - Tabungan 2 Kuala Lumpur

+Dengan demikian, kita perlu memberi perhatian kepada usaha untuk meningkatkan lagi kadar tabungan dalam negeri, katanya.

Berdasarkan kadar inflasi yang rendah dan kadar faedah yang berpatutan di negara ini, amalan menabung adalah menguntungkan selain dapat mengurangkan tekanan inflasi, kata Perdana Menteri.

Mengenai kedudukan sumber neyara secara keseluruhan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata kadar tabungan yang tinggi serta kedudukan imbalan pembayaran yang dijangka bertambah baik akan merapatkan lagi jurang tabungan-pelaburan ke paras 0.8 peratus daripada Keluaran Negara Kasar.

Defisit ini dijangka akan dibiayai melalui kemasukan bersih pelaburan langsung dari luar negeri dan oleh itu tidak akan menjadi sebarang masalah kepada ekonomi negara, ka tanya. -- Bet-nama

♥10/07/19-21MST